

23 MAC 2018

Dua beradik dicekup menagih

Dua beradik dicekup menagih



Antara dadah dan ubat batuk yang dirampas dalam Ops Sarang di Pasir Kelang, Rabu lalu. Gambar kecil: Abdullah.

KUALA KRAI - Dua beradik masing-masing berusia 23 dan 33 tahun antara empat lelaki ditahan dalam Ops Sarang di sebuah rumah tanpa nombor di Pasir Kelang, Rabu lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Krai, Superintendan Abdullah Roning berkata, semasa serbuan suspek sedang berkumpul di rumah berkenaan.

Menurutnya, ketika ditahan mereka dipercayai baru mengambil pil kuda berdasarkan bau dadah tersebut.

"Menyedari kehadiran polis, mereka cuba melarikan diri hingga berlaku pergelutan, namun tiada kecederaan yang berlaku," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Abdullah berkata, hasil serbuan tersebut, polis merampas ubat batuk dan dadah bernilai RM1,940.

Katanya, antara yang dirampas 51 biji pil warna merah dipercayai dadah bernilai RM510, 68 pil yaba bernilai RM680, 40 biji pil erimin 5 bernilai RM600 dan 15 botol ubat batuk bernilai RM150.

"Bekalan dadah dipercayai diperolehi daripada pembekal di Pasir Kelang. Tiga daripada suspek yang ditahan juga positif dadah jenis methamphetamine.

"Sementara seorang suspek berusia 26 tahun beralamat di Chabang Tiga, Bukit Sireh mempunyai dua rekod jenayah berkaitan dadah," katanya.

Menurutnya, kesemua suspek

yang tidak mempunyai kerja tetap itu direman hingga hari ini, namun reman akan disambung untuk membantu siasatan.

Beliau berkata, kejayaan menangkap suspek juga adalah hasil kerjasama orang awam.

"Terima kasih kepada orang awam yang mahu melihat kawasan mereka bebas dadah seterusnya menyalurkan maklumat kepada pihak polis.

"Kerjasama berterusan amat diperlukan bagi memastikan usaha membendung gejala dadah dapat dilaksanakan," katanya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 39A (1) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan Seksyen 12 (2) ADB 1953.

